

# PM diberi penjelasan isu bahasa Inggeris

SERDANG: Universiti Putra Malaysia (UPM) sudah menghantar surat penjelasan berhubung isu penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar universiti itu kepada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pengajian Tinggi, pagi semalam.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Muhamad Zohadie Bardaie, berkata setakat ini pihaknya belum dipanggil untuk memberi penjelasan secara bersemuka, tetapi bersedia jika dikehendaki berbuat demikian.

Beliau menegaskan, UPM tidak pernah ada sebarang perbincangan, perancangan, hasrat atau niat untuk mengubah dasar kerajaan yang menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA), sebaliknya hanya akan menggunakan bahasa Inggeris bagi pengajaran kursus Sains, Teknologi dan Matematik mulai tahun depan.

"Langkah itu sebagai persediaan untuk memastikan kesinambungan dasar kerajaan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains serta Matematik da-

lam bahasa Inggeris di sekolah pada 2003, bermula dengan pelajar tahun satu, tingkatan satu dan juga tingkatan enam rendah yang akan memasuki universiti pada sesi akademik 2005," katanya.

Tambahan pula, katanya, pada Mesyuarat Menteri Pendidikan (ketika itu) dengan Naib Canselor/Rektor IPTA Bil 1/2003, semua IPTA sudah diminta merancang memperingkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan tenaga akademik bagi memastikan kelancaran aktiviti pengajaran dan pembelajaran di universiti yang akan menggunakan sepenuhnya bahasa Inggeris dalam kursus Sains, Teknologi dan Matematik.

"UPM membelanjakan kira-kira RM1 juta untuk membuat perseediaan bagi pensyarah supaya mereka ada keupayaan mengajar mata pelajaran berkenaan dalam bahasa Inggeris. Tahun lalu, kita membuat tinjauan di kalangan kakitangan akademik mengenai kursus diperlukan dan berdasarkan itu, UPM membuat program latihan untuk persediaan mereka sejajar dengan polisi kerajaan," katanya.